

# PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI TERPILIH TAHUN 2023



## PENGENALAN

Survei bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri ialah survei yang mengumpulkan maklumat berkaitan nilai jualan, bilangan pekerja, bilangan gerai jualan dan berkaitan nilai jualan dan harga bagi item-item terpilih di senarai bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri mengikut daerah yang diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara pada tahun 2023.

Survei ini dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Objektif *newsletter* ini adalah khusus untuk memaparkan purata harga item terpilih di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri terpilih di seluruh Malaysia.



## OBJEKTIF SURVEI

Objektif survei ini adalah untuk mendapatkan purata harga bagi 20 item terpilih yang dijual di bazar Ramadan dan 11 item terpilih yang dijual di bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan PBT di peringkat negeri dan nasional bagi tahun 2023.

## TEMPOH

## PELAKSANAAN SURVEI



Tempoh pelaksanaan survei ini bermula dari **23 Mac 2023** hingga **21 April 2023**.

## KONSEP DAN DEFINISI



### Harga

Merujuk kepada harga yang dibayar oleh pengguna di kaunter termasuk promosi/jualan. Harga yang dikutip adalah pada hari dan masa yang sama ketika kutipan dijalankan dan bukan pada hari sebelum atau hari selepas kutipan.

### Pertubuhan/gerai & lokasi yang diliputi

Pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal". Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama.

#### i. Bazar Ramadan

Merujuk kepada pertubuhan/gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan minuman atau lain-lain juadah di dalam bazar Ramadan sempena bulan Ramadan.

#### ii. Bazar Aidilfitri

Merujuk kepada pertubuhan/gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan pakaian, biskut/kuih raya atau lain-lain item di dalam bazar Aidilfitri sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.



Jadual 1: Purata Harga Item Terpilih Bazar Ramadan

Item	Purata harga (RM)
Ayam golek (siap potong)	26.12
Nasi arab (ayam)	12.47
Nasi ayam penyyet	8.49
Nasi putih berserta ikan dan sayur	7.43
Roti john ayam (panjang)	7.27
Nasi kerabu (ayam)	7.53
Nasi putih berserta ayam dan sayur	7.07
Nasi dagang (ayam)	7.08
Nasi ayam	6.54
Bihun sup	5.97
Murtabak ayam (biasa)	4.52
Roti john ayam (pendek)	4.80
Air tembikai (bungkusan bulat)	4.23
Air soya tanpa ais (bungkusan bulat)	4.21
Air sirap bandung sejuk (bungkusan bulat)	4.00
Kuih tepung pelita	0.78
Kuih popia goreng	0.67
Kuih seri muka	0.63
Kuih ketayap	0.62
Kuih karipap kentang	0.58

**Jadual 1** menunjukkan purata harga item terpilih di dalam bazar Ramadan di Malaysia.


Jadual 2: Purata Harga Item Terpilih Bazar Aidilfitri

Item	Purata harga (RM)
Baju melayu (dewasa, cekak musang, saiz M)	135.60
Baju kurung (dewasa, <i>readymade</i> , saiz M)	125.63
Sampin	85.25
Baju kurta	76.68
Songkok	36.58
<i>Almond london</i>	29.18
Tart nenas (gulung)	28.66
Semperit (saiz empat segi)	26.51
Rempeyek kacang tanah	22.95
Tudung bawal (kain kapas)	20.17
Shawl tiada corak (kain chiffon)	18.65

**Jadual 2** menunjukkan purata harga item terpilih di dalam bazar Aidilfitri di Malaysia.


## PENEMUAN UTAMA

Carta 1: Purata Harga Item Terpilih Bazar Ramadan Mengikut Negeri



**Carta 1** menunjukkan purata harga item terpilih di bazar Ramadan mengikut negeri. Wilayah Persekutuan Putrajaya menunjukkan purata harga tertinggi bagi sebiji kuih ketayap iaitu RM0.80, diikuti dengan Wilayah Persekutuan Labuan dengan purata harga RM0.75 dan Terengganu iaitu RM0.73. Tiga purata harga tertinggi bagi sebiji kuih pelita pula ialah RM1.05 bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, RM1.03 bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan diikuti oleh Perlis iaitu RM0.95. Seterusnya, Wilayah Persekutuan Putrajaya turut menunjukkan purata harga tertinggi bagi sebiji popia goreng iaitu RM0.92 diikuti dengan RM0.89 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan RM0.83 bagi Pulau Pinang.

Carta 2: Purata Harga Item Terpilih Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri




**Carta 2** menunjukkan purata harga item terpilih di bazar Aidilfitri mengikut negeri. Negeri Sembilan menunjukkan purata harga tertinggi bagi satu pasang baju melayu iaitu RM182.64, diikuti oleh Kedah dengan purata harga RM152.11 dan Pulau Pinang dengan purata harga RM145.13. Purata harga tertinggi bagi satu pasang baju kurung pula ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu RM150.37 diikuti dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Pahang dengan purata harga masing-masing RM150.10 dan RM144.77. Purata harga tertinggi bagi sehelai sampin ialah RM115.01 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) diikuti dengan RM112.38 (Wilayah Persekutuan Putrajaya) dan RM102.14 (Kelantan).



# Punata Harga New Terpilih

## BAZAR RAMADAN

Mengikut Negeri




**NOTA :**

-  **Ayam golek** (siap potong)
-  **Murtabak ayam** (biasa)
-  **Roti john ayam** (panjang)



Purata Harga Item Terpilih  
**BAZAR AIDILFITRI**  
 Mengikut Negeri



**NOTA :**

- Almond london
- Rempeyek kacang tanah
- Tart nenas (gulung)

Jadual 3: Purata Harga (RM) Item Terpilih Bazar Ramadan Mengikut Negeri

ITEM	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak	Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak	WP Kuala Lumpur	WP Labuan	WP Putrajaya
Kuih karipap kentang	0.54	0.50	0.59	0.57	0.68	0.59	0.66	0.56	0.40	0.69	0.56	0.56	0.51	0.67	0.52	0.70
Kuih ketayap	0.53	0.53	0.57	0.57	0.62	0.61	0.68	0.58	0.54	0.72	0.73	0.51	0.53	0.60	0.75	0.80
Kuih seri muka	0.53	0.58	0.83	0.58	0.66	0.60	0.71	0.55	0.55	0.73	0.59	0.50	0.52	0.70	0.65	0.80
Kuih tepung pelita	0.59	0.75	0.69	0.73	0.78	0.77	0.87	0.64	0.95	0.93	0.60	0.59	0.65	0.83	1.03	1.05
Kuih popia goreng	0.55	0.53	0.79	0.66	0.76	0.62	0.83	0.65	0.54	0.78	0.49	0.57	0.55	0.89	0.62	0.92
Roti john ayam (panjang)	8.20	6.20	6.33	6.79	8.94	7.66	7.70	6.82	5.75	8.02	6.51	7.38	6.58	8.42	7.25	8.13
Roti john ayam (pendek)	5.80	3.00	4.50	4.39	5.00	5.00	4.13	5.18	4.00	5.74	3.67	5.60	4.38	5.80	-	5.82
Nasi ayam	6.70	6.17	5.96	6.42	7.07	6.66	6.25	6.06	5.29	6.79	5.92	6.94	6.88	7.13	6.50	7.83
Nasi ayam penyyet	8.97	6.50	7.75	7.59	9.47	8.86	8.69	7.93	7.25	7.69	7.67	9.35	11.52	7.63	9.00	9.97
Nasi arab (ayam)	13.77	15.00	10.39	11.65	14.00	11.77	10.50	11.13	10.50	12.25	11.83	14.87	14.50	10.67	11.00	15.63
Nasi putih berserta ayam dan sayur	6.89	6.75	6.80	6.81	7.71	7.12	7.80	6.79	5.00	7.88	6.47	6.64	8.48	7.45	7.00	7.60
Nasi putih berserta ikan dan sayur	7.40	6.75	7.64	7.50	8.20	7.77	8.38	7.03	4.00	7.82	7.15	7.06	8.57	7.58	7.00	9.00
Nasi kerabu (ayam)	7.60	6.40	6.36	7.27	7.30	7.28	8.20	6.72	4.63	7.85	6.33	8.53	8.64	8.24	9.50	9.81
Nasi dagang (ayam)	7.38	6.00	6.25	6.63	6.76	6.10	8.29	6.54	-	7.85	6.23	8.65	8.03	8.43	-	8.50
Bihun sup	6.35	5.00	5.29	5.53	6.60	5.90	6.25	5.25	5.67	6.01	5.90	5.85	6.80	6.25	-	6.90
Ayam golek (siap potong)	26.69	24.75	26.05	24.38	25.84	27.42	26.86	26.39	-	24.96	27.81	28.11	26.34	24.36	-	25.75
Murtabak ayam (biasa)	6.00	4.57	3.85	5.85	5.25	6.10	4.70	4.82	4.63	5.05	4.79	4.43	6.08	4.92	4.50	4.50
Air soya tanpa ais (bungkusan bulat)	3.85	3.36	3.00	4.10	5.00	4.51	3.65	4.35	2.67	5.07	3.25	4.41	4.83	5.55	-	5.60
Air sirap bandung sejuk (bungkusan bulat)	3.61	3.00	3.20	4.00	5.01	4.10	3.35	3.90	2.29	4.80	3.23	3.69	5.18	4.75	4.50	4.86
Air tembikai (bungkusan bulat)	4.19	3.20	3.51	4.38	4.88	4.72	3.20	4.43	2.67	5.12	3.43	4.11	5.15	5.00	4.43	5.30



Jadual 4: Purata Harga (RM) Item Terpilih Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri

Item	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak	Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak	WP Kuala Lumpur	WP Labuan	WP Putrajaya
Songkok*	32.82	22.29	31.96	38.52	30.00	35.40	45.00	25.44	32.08	25.32	32.39	45.70	47.50	40.92	-	63.33
Baju melayu* (dewasa, cekak musang, saiz M)	122.10	152.11	119.93	130.86	182.64	128.49	145.13	117.63	131.17	91.19	142.12	136.90	114.30	169.04	125.00	161.00
Sampin*	81.97	101.10	102.14	74.78	79.64	94.89	95.20	67.26	88.41	50.72	60.36	54.70	100.25	115.01	-	112.38
Baju kurta*	77.44	73.93	69.19	78.81	102.27	78.84	81.30	72.61	75.18	61.18	69.47	76.93	74.47	72.86	69.90	92.48
Baju kurung* (dewasa, readymade, saiz M)	119.78	123.50	128.76	133.90	129.00	144.77	133.21	111.46	117.80	85.76	117.16	133.61	98.21	150.37	132.65	150.10
Tudung bawah* (kain kapas)	23.79	17.00	22.91	19.49	9.22	19.25	13.91	15.93	22.38	20.19	22.26	20.17	21.17	27.65	12.50	34.88
Shawl tiada corak* (kain chiffon)	19.19	17.25	19.48	18.35	14.92	18.47	11.67	12.14	12.27	22.60	13.63	24.75	21.73	23.21	17.50	31.24
Tart nenas (gulung)	30.33	30.00	21.81	32.01	34.09	30.45	30.20	27.18	22.33	29.43	23.25	29.82	28.77	26.67	-	33.55
Semperit (saiz empat segi)	26.92	30.00	18.74	29.93	34.09	28.23	28.63	25.50	20.00	26.19	24.64	25.14	22.69	27.60	-	29.40
Almond london	30.86	31.67	23.03	32.18	34.09	30.14	32.75	26.95	22.00	28.64	24.18	31.46	31.03	27.17	-	31.50
Rempeyek kacang tanah	22.52	20.00	20.25	24.13	35.00	20.56	19.00	19.16	24.33	19.50	14.67	37.45	28.75	22.50	15.00	24.33

nota :

\* spesifikasi item adalah berbeza mengikut jenis kain.

